

Raja Perlis Lancar Logo, Lagu, Maskot Dan Laman Web SUKMA 2014
Bernama
16 Jun, 2013

KANGAR, 16 Jun (Bernama) -- Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail melancarkan serentak pengenalan logo, lagu, maskot dan laman web Sukan Malaysia ke-17 di sini Sabtu malam.

Pelancaran penuh warna warni itu berlangsung di Stadium Utama Kangar dan dimeriahkan dengan pertunjukan tatu Angkatan Tentera Malaysia dan pancaran bunga api.

Singa dipilih menjadi maskot Sukan Malaysia yang akan berlangsung di Perlis Jun tahun depan dan binatang yang tidak pernah wujud di Perlis itu juga diletakkan sebagai logo sukan berkenaan.

Sejak berdekad lalu, singa juga digunakan Persatuan Bola Sepak Perlis (PFA) sebagai nama timangan kepada pasukan bola sepaknya dengan timangan "Singa Utara."

Lagu 'Seiring Menuju Kecemerlangan' ciptaan penggubah lagu kelahiran Perlis, Datuk Mokhzani Ismail yang juga Pengarah Muzik RTM dipilih sebagai lagu rasmi Sukan Malaysia manakala laman web sukan itu boleh dilawati di www.sukmaperlis2014.com.my.

Tuanku Syed Sirajuddin dalam titah ucapan pelancaran itu berharap kepimpinan negeri dan pentadbiran menguatkan kesepakatan dan kerjasama dalam menjayakan penganjuran sukan itu.

"Setiap agensi perlu cerdas dan cergas dalam membuat pemantauan secara berterusan agar tiada kelewatan atau kecacatan projek berlaku," titah baginda.

Menurut baginda, walaupun merancang penganjuran kelihatan mudah namun tanpa persepakatan, ketekunan, kejujuran dan ketelusan, ia akan menghalang pencapaiannya.

Baginda berharap temasya sukan itu menghasilkan impak positif bukan sahaja kepada kemajuan sukan di negeri itu tetapi membuka peluang kepada rakyat untuk sama-sama mendapat manfaat.

Berangkat hadir ke majlis itu ialah Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid, Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Hadir sama Menteri Besar Perlis, Azlan Man, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Datuk Azizan Hamid dan Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN) Datuk Seri Zolkples Embong.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=956385>